

Terma dan Syarat Peraduan My Rezeki

- 1) Peraduan My Rezeki (“Kempen”) ini adalah anjuran bersama oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad (dirujuk secara kolektif sebagai “Prudential” atau “Kami”). Dengan menyertai Kempen ini, anda (“anda” atau “pelanggan”) bersetuju bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk tertakluk dengan semua Terma dan Syarat Kempen ini dan sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang kami lakukan ke atas Kempen ini dari masa ke masa dengan mengemaskini Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis awal, di mana notis tersebut adalah daripada Prudential.
Dengan menyertai Kempen ini, anda juga bersetuju untuk tertakluk dengan Polisi Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prudential.com.my/en/privacy-policy/> (untuk pelanggan yang membeli polisi insurans) dan <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/> (untuk pelanggan yang menyertai sijil takaful). Jika anda tidak bersetuju dengan Polisi Privasi kami dan Terma dan Syarat Kempen ini, anda tidak dapat untuk menyertai Kempen ini.
- 2) Tempoh Kempen: 12 Julai 2022 hingga 30 September 2022, termasuk kedua-dua tarikh ini.
- 3) Kelayakan Kempen:

a) Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang membeli polisi/menyertai sijil baharu (“Bisnes Baharu”) berikut:

i) PruBSN Lindung;

ii) PruBSN Cegah;

iii) PRUGuard Life; atau

iv) PRUCare Life,

dan menyerahkan borang cadangan untuk Bisnes Baharu kepada Prudential dalam Tempoh Kempen (“Pelanggan yang Layak”).

- b) Polisi/sijil yang dibeli/disertai hendaklah memenuhi kriteria berikut untuk dikira sebagai “Polisi/Sijil yang Layak”:

i) polisi/sijil yang dikeluarkan hasil penyerahan borang cadangan Pelanggan yang Layak untuk Bisnes Baharu melalui i-Lindung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan

ii) polisi/sijil mestilah berkuatkuasa pada masa pemberian Ganjaran Kempen.
- c) Prudential mungkin melucutkan kelayakan Pelanggan yang Layak, yang menyerahkan borang cadangan untuk PRUGuard Life atau PRUCare Life atau PruBSN Lindung atau PruBSN Cegah (“cadangan”) pada bila-bila masa sebelum Kempen bermula, tetapi membatalkan borang cadangan tersebut dan diikuti dengan penyerahan semula borang cadangan untuk Bisnes Baharu dalam Tempoh Kempen.
- 4) Ganjaran Kempen:

a) RM20 Kredit GrabPay (“RM20 Kredit GrabPay”)

Tertakluk pada Terma dan Syarat Kempen ini, 3,000 Pelanggan pertama yang Layak yang membeli/menyertai Bisnes Baharu dengan premium/sumbangan minimum sebanyak RM50 dan telah memenuhi kriteria kelayakan sepertimana yang ditetapkan dalam perenggan 3(a) dan (b) (“Pelanggan yang Berjaya”) layak mendapat satu (1) RM20 Kredit GrabPay sahaja, tanpa mengira bilangan Bisnes Baharu yang dibeli/disertai semasa Tempoh Kempen.

- b) Hadiah-hadiah Rezeki

i) Tertakluk pada Terma dan Syarat Kempen ini, Pelanggan yang Layak, yang telah memenuhi kriteria kelayakan sepertimana yang ditetapkan pada perenggan 3(a) dan (b), layak mendapat maksimum satu hadiah yang disediakan di bawah Hadiah Rezeki, yang akan dipilih oleh sistem pemilihan automatik Prudential (“Pemenang”, atau secara kolektif dirujuk sebagai “Para Pemenang”). Jadual di bawah menyenaraikan hadiah-hadiah yang boleh didapati (“Hadiah”):

Kategori Hadiah	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Pertama	iPhone 13 Pro Max 256GB	3
Hadiah ke-2	iPad Air 256GB	5
Hadiah ke-3	Apple Watch Series 7	7
Hadiah Saguhati	RM100 Kredit GrabPay	50

- ii) Pelanggan yang Layak akan menerima satu entri untuk Hadiah Rezeki bagi setiap Polisi/Sijil yang Layak yang dikeluarkan semasa Tempoh Kempen.

iii) Pemilihan Pemenang akan dilakukan berdasarkan jadual di bawah:

Bulan Pemilihan Pemenang	Tempoh Penyerahan Borang Cadangan	Pemberian Hadiah
November 2022	12 Julai 2022 - 30 September 2022	Sebelum 31 Disember 2022

- iv) Pemenang akan dimaklumkan melalui SMS berdasarkan nombor telefon yang tersimpan dalam sistem Prudential. Prudential berhak untuk menggunakan sebarang medium atau cara, termasuk laman-laman web Prudential di <https://www.prudential.com.my/en/> dan <https://www.prubsn.com.my/ms/> bagi mengumumkan Para Pemenang.

v) Bagi menerima Hadiah, Pemenang dikehendaki untuk melengkapkan butiran alamat surat-menyurat dan nombor telefon (“Butiran Pemenang”), untuk Polisi/Sijil yang Layak yang terkini dan sah dibeli/disertai dalam Tempoh Kempen (“Polisi/Sijil yang Aktif”). Butiran Pemenang mestilah dikemaskini melalui sistem Prudential sebelum atau pada 30 September 2022.

vi) Setelah Hadiah diserahkan kepada Para Pemenang, Prudential akan melepaskan sepenuhnya segala kewajipannya yang berkaitan dengan Hadiah dan tidak lagi mempunyai sebarang kewajipan lanjut berhubung perkara tersebut. Jika berlaku kecurian atau kehilangan Hadiah atas apa-apa pun sebab atau dalam apa-apa pun keadaan, Prudential tidak akan bertanggungjawab untuk menyediakan sebarang bentuk penggantian kepada Para Pemenang.

vii) Prudential tidak menyediakan sebarang waranti atau jaminan dalam apa-apa bentuk sekali pun terhadap Hadiah mahupun bertanggungjawab ke atas apa-apa pun kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian Hadiah. Dalam hal ini, Prudential tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kemudaratan (sama ada secara fizikal ataupun mental) yang mungkin dialami oleh Para Pemenang yang disebabkan oleh Hadiah atau akibat penggunaan Hadiah itu sendiri.
- c) Cara-cara Penghantaran Ganjaran Kempen

Ganjaran Kempen akan diberikan pada 31 Disember 2022 menurut cara-cara berikut:

- i) Pengkreditan Kredit GrabPay

(1) RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati akan dikreditkan oleh GPay Network (M) Sdn Bhd (“GPay”) ke akaun aplikasi mudah alih Grab (“Aplikasi Grab”) Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang.

(2) RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati tertakluk pada syarat-syarat berikut:

• RM20 Kredit GrabPay akan diberikan kepada Pelanggan yang Berjaya sepertimana yang tertera pada perenggan 4(a) di atas dan Hadiah Saguhati akan diberikan kepada Para Pemenang sepertimana yang dipilih oleh Prudential menurut perenggan 4(b)(i) di atas;

• Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang mestilah pengguna Aplikasi Grab;

• Nombor telefon mudah alih Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang di dalam Aplikasi Grab mestilah sama dengan yang didaftarkan di dalam sistem Prudential.

(3) Penggunaan RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati tertakluk pada Terma dan Syarat GPay, termasuk polisi privasi atau notis privasi yang telah ditetapkan oleh GPay, serta Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati. Prudential tidak akan bertanggungjawab atau dikehendaki menawarkan penggantian RM20 Kredit GrabPay dan/atau Hadiah Saguhati, atau juga untuk membayar pampasan kepada Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang bagi:

• Pemberhentian atau pembatalan RM20 Kredit GrabPay dan/atau Hadiah Saguhati;

• Penyalahgunaan RM20 Kredit GrabPay dan/atau Hadiah Saguhati; atau

• Kegagalan untuk menggunakan RM20 Kredit GrabPay dan/atau Hadiah Saguhati yang disebabkan oleh masalah-masalah teknikal.

(4) Sebaik sahaja RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati dikreditkan, satu notifikasi akan dihantarkan ke inbox akaun Aplikasi Grab Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang.

(5) Setelah RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati dikeluarkan kepada Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang, Prudential akan melepaskan sepenuhnya segala kewajipannya yang berkaitan dengan RM20 Kredit GrabPay dan Hadiah Saguhati, dan tidak lagi mempunyai sebarang kewajipan lanjut berhubung perkara tersebut. Prudential tidak akan bertanggungjawab atau tertakluk pada ketidakbolehsediaan, pembatalan dan pemindaan yang dilakukan kepada RM20 Kredit GrabPay dan/atau Hadiah Saguhati.

(6) Pelanggan yang Berjaya dan Para Pemenang bersetuju untuk menyelesaikan secara langsung sebarang aduan atau pertikaian berhubung RM20 Kredit GrabPay dan/atau Hadiah Saguhati dengan GPay.

ii) Penghantaran ke Alamat Surat-menyurat Para Pemenang

Hadiah Pertama, ke-2 dan ke-3 akan dihantarkan ke alamat surat-menyurat Para Pemenang sepertimana yang telah didaftarkan di dalam sistem Prudential.
- d) Ganjaran tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.

5) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini memberikan persetujuan kepada Prudential untuk mendedahkan maklumat peribadi kepada GPay, mana-mana penyedia perkhidmatan dan/atau pihak ketiga yang diberi kuasa bagi tujuan menjalankan Kempen ini dan menghantarkan Ganjaran Kempen.

6) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga ketepatan maklumatnya setiap masa. Prudential juga boleh meminta maklumat lebih lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan keaslian setiap maklumat yang diberikan, termasuk sama ada maklumat itu palsu atau berlebihan.

7) Prudential berhak untuk membuat keputusan berkenaan semua perkara dan pertikaian mengenai Kempen ini sewajarnya dengan melayan anda dan Pelanggan yang Layak lain secara adil, termasuk mengganti Ganjaran Kempen dengan bentuk hadiah/ganjaran lain yang setara.

8) Prudential boleh menolak hak Ganjaran Kempen sekiranya salah satu Terma dan Syarat dalam Kempen ini tidak dipenuhi.

9) Untuk semua maksud dan tujuan, Terma dan Syarat untuk Kempen ini dan juga Ganjaran Kempen tidak akan ditafsirkan sebagai variasi kepada Terma dan Syarat di bawah borang cadangan insurans/takaful anda (“Syarat”). Syarat ini akan terus berkuat kuasa. Semua borang cadangan insurans/takaful tertakluk pada peraturan pemprosesan dan/atau pengunderaitan standard Prudential. Selanjutnya, Ganjaran Kempen tidak akan menjadi sebahagian daripada hak, faedah dan wang yang perlu dibayar di bawah Polisi/Sijil yang Layak.

10) Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif pengadilan Malaysia.

11) Terma dan Syarat Kempen ini mungkin disediakan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara ketiga-tiga versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Nota Penting dan Penafian

PruBSN Cegah (pelan takaful penyakit kritikal berkelompok) dan **PruBSN Lindung** (pelan takaful bertempoh berkelompok) adalah diunderait oleh Prudential BSN Takaful Berhad (“PruBSN”) 200601020898 (740651-H) yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Untuk maklumat lanjut mengenai **PruBSN Cegah** dan **PruBSN Lindung**, sila rujuk Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini dan rujuk terma dan syarat yang terkandung dalam ringkasan sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting serta pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

PRUGuard Life dan **PRUCare Life** adalah pelan-pelan kumpulan tanpa penyertaan dengan premium tunggal yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“PAMB”) 198301012262 (107655-U) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk PAMB, soalan lazim dan dokumen polisi sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini. Anda juga boleh terus menghubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut. **PRUGuard Life** dan **PRUCare Life** bukan produk patuh Syariah.